

Tawar 13 kursus bukan perubatan

Metro 23/6/12 MS 61

AUCMS terus cemerlang lahir modal insan penuhi keperluan pasaran

SELEPAS beroperasi sejak 10 tahun lalu, Alliance University College of Medical Sciences (AUCMS) kini bukan sekadar universiti yang melahirkan doktor dan pakar tempatan, malah mengembangkan operasinya dengan menawarkan program diploma bukan perubatan.

Ketika ini, 13 program pengajian peringkat diploma ditawarkan serta mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan setiap program mengambil kira keperluan pasaran masa kini.

Program berkenaan ialah Diploma Kejururawatan, Diploma Farmasi, Diploma Fisioterapi, Diploma Sains Perubatan, Diploma Teknologi Makmal Perubatan, Diploma Pengurusan Kesihatan, Diploma Kesihatan Persekitaran, Diploma Teknologi dan Sains Makanan dan Diploma Sains Sukan dan Kecergasan.

Program lain, Diploma Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Diploma Pengurusan Perniagaan, Diploma Pemasaran dan Diploma Perakaunan.

Pengenalan program diploma menjadi pelengkap kepada lima program peringkat ijazah yang ditawarkan iaitu Ijazah Perubatan MD-AUCMS manakala empat lagi hasil kerjasama dengan universiti terkemuka Universiti Kebangsaan Malaysia (MD-UKM), Universitas Sumatera Utara (MD-USU), Indonesia; University College Cork, Ireland (MD-UCC) dan Universiti Kebangsaan Ireland, Galway (MD-NUIG).

Presiden AUCMS, Datuk Dr Zainuddin Wazir berkata, selepas menamatkan penga-



TERSERGAM...kampus Kejururawatan AUCMS di Serdang, Kepala Batas.

Fakta

Kualiti program di AUCMS mendapat pengiktirafan KPT dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) selain tenaga pengajar profesional dari dalam dan luar negara

nikmati kemudahan itu katanya, pelajar tetap berpeluang mendapat kemudahan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Dana Pendidikan disediakan AUCMS membabitkan peruntukan awal RM50 juta.

"Lebih penting lagi, kualiti program di AUCMS tidak perlu dipertikaikan kerana mendapat pengiktirafan KPT dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) selain tenaga pengajar profesional dari dalam dan luar negara.

"Kami menggabungkan tenaga pengajar dalam dan luar negara kerana mahu melahirkan graduan serba boleh dan boleh bertugas di mana-mana negara," katanya.

Menurut Dr Zainuddin, gabungan penyarah dari dalam dan luar negara mem-

jian peringkat diploma, pelajar boleh memilih sama ada untuk bekerja atau menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Menurutnya, program yang ditawarkan mengambil kira keperluan pasaran ketika ini dan graduan tidak perlu bimbang kerana peluang kerjaya sentiasa menanti mereka sama ada dalam sektor awam atau swasta.

“Pengambilan untuk mengikuti program diploma pada Julai dan September masih terbuka kepada lepasan SPM tahun ini.

“Pengenalan program perubatan dan bukan perubatan peringkat diploma adalah sebagai persediaan AUCMS untuk menjadi antara universiti terkemuka dunia menjelang 2015,” katanya.

Syarat kemasukan untuk pengajian peringkat diploma



DAFTAR...semua kursus ditawarkan AUCMS mendapat pengiktirafan.

juga mudah iaitu hanya tiga kredit dan pelajar akan didedahkan kepada aspek teori dan praktikal, sekali gus memudahkan mereka lulus.

Dr Zainuddin yang juga pakar bedah jantung berkata, selain tumpuan diberikan kepada program perubatan, pihaknya kini mengalu-alukan lepasan SPM untuk mengikuti program bukan perubatan seperti pemasaran, perakaunan dan pengurusan perniagaan.

Menurutnya, peluang kerjaya bagi mereka yang mengikuti program bukan perubatan juga sentiasa terbuka malah, mempunyai lebih banyak pilihan.

Apa yang menarik, katanya, pelajar yang memperoleh 8A ke atas dalam SPM layak dipertimbangkan untuk menikmati biasiswa disediakan AUCMS.

Bagi yang tidak layak me-

lam dan luar negara membolehkan pelajar mendapat pendedahan antarabangsa sekali gus membolehkan mereka lebih yakin untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Kini kami mempunyai lebih 500 kakitangan dengan lebih separuh daripadanya kakitangan akademik sekali gus membuktikan kami serius untuk menjadi universiti terkemuka,” katanya.

Tenaga pengajar profesional dari luar negara antaranya dari India, Pakistan, Filipina, Mesir, Jordan, Russia, Ireland, Iraq dan United Kingdom.

Keterangan lanjut, hubungi AUCMS di 04-5780898 atau kunjungi Waziria Medical Square, Jalan Bertam 2, Kepala Batas, Pulau Pinang atau layari laman web www.alianzeunicollege.edu.my.